

Periksa premis elektronik, komunikasi elak naik harga


KPDNHEP Kedah lakukan operasi susulan maklumat awam

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah melakukan pemeriksaan terhadap premis menjual kelengkapan elektronik serta komunikasi dalam Ops Catut 8.0 bermula kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah, Mohd Shahrhan Mohd Arshad, berkata operasi itu dilakukan susulan maklumat awam berkaitan kenaikan harga barangan terbabit disebabkan permintaan di pasaran.

Beliau berkata, pemeriksaan dilakukan terhadap premis perniagaan menjual barangan kelengkapan elektronik seperti meja komputer, komputer riba, tablet, mesin pencetak dan te-



Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah memeriksa premis alat telekomunikasi di sebuah pasar raya pada Op Catut 8.0 bermula kelmarin.
(Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

lefon bimbit.

"Dalam operasi semalam (kelmarin), pihak kami melakukan pemeriksaan terhadap tujuh premis dan mengeluarkan tujuh notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipenca-

tutan 2011 (AKHAP).

"Berdasarkan notis berkenaan, peniaga diwajibkan memberi maklum balas dan maklumat diminta dalam tempoh dua hari bekerja," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Anak Bukit, di

sini, semalam.

Mohd Shahrhan berkata, peniaga perlu mengemukakan maklumat diarahkan seperti harga barangan dijual dan kos langsung seperti sewa premis serta upah pekerja.

Beliau berkata, pemeriksaan akan dilakukan di seluruh daerah di negeri ini untuk memastikan harga stabil dan tiada berlaku kenaikan.

"Penggunaan alat telekomunikasi seperti telefon pintar dan komputer riba amat diperlukan, terutama pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

"Kita menasihatkan orang ramai berhati-hati membuat pembelian barangan ini secara dalam talian kerana bimbang ditipu atau sebaiknya membeli di kedai bagi melihat sendiri peralatan berkenaan," katanya.

Mohd Shahrhan berkata, orang ramai boleh membuat laporan kepada pihaknya jika berlaku kenaikan harga membabitkan barangan elektronik dan telefon pintar di negeri ini untuk memudahkan tindakan dilakukan.